



KENYATAAN MEDIA

KONVENSYEN KOPERASI KARIAH MASJID PERINGKAT KEBANGSAAN 2022

SEPANG, 7 MAC 2022 – YB Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) hari ini telah merasmikan Persidangan Koperasi Kariah Masjid Peringkat Kebangsaan Tahun 2022 yang julung kali diadakan dan dihadiri seramai 420 ahli koperasi serta pegawai masjid dari seluruh negara. Persidangan ini merupakan kerjasama strategik antara Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dan Agensi Ehwat Islam, JPM. Kerjasama strategik ini bertujuan meningkatkan aktiviti sosio-ekonomi ummah melalui usahawan dan koperasi.

Institusi masjid dan surau kini boleh menubuhkan Koperasi Kariah Masjid/ Kariah Surau dengan keanggotaan minima seramai 20 orang. Keahliannya yang terbuka kepada ahli kariah merupakan satu inisiatif untuk membangunkan ekonomi kariah masjid/surau melalui aktiviti perniagaan serta mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada ahli kariah.

Berdasarkan rekod Suruhanjaya Koperasi Malaysia sehingga 30 Jun 2021, sejumlah 462 buah Koperasi Kariah Masjid telah didaftarkan, dengan keahlian seramai 38,000 orang dan melibatkan jumlah aset melebihi RM29 juta serta nilai perolehan pada tahun 2021 bernilai

RM 9.53 juta. MEDAC pada tahun ini mensasarkan peningkatan koperasi kariah masjid kepada 10% daripada bilangan masjid di negara ini iaitu 6,514.

Selaras dengan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025, Kerajaan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menyediakan inisiatif dan bantuan khusus kepada koperasi kariah seperti bantuan di bawah pakej TRANSFER (maksimum RM100,000), Program Pembangunan Perniagaan (sehingga RM300,000), SCOPE (menjalankan aktiviti pemborongan dan peruncitan sehingga RM300,000) dan pembiayaan Tabung Modal Pusingan sehingga RM30 juta mengikut kelayakan kategori koperasi. Selain daripada itu, mana-mana koperasi kariah yang baru ditubuhkan layak mendapat bantuan sehingga RM100,000 di bawah pakej bantuan Koperasi Prihatin Rakyat.

Bermula tahun 2016 sehingga Mac 2022, bantuan sebanyak RM1.90 juta telah diberikan kepada 54 buah koperasi kariah masjid. Daripada jumlah tersebut sektor pemborongan dan peruncitan merupakan sektor tertinggi mendapat dana bantuan dengan nilai RM615,625.

Koperasi Kariah Masjid memainkan peranan yang besar dalam menangani isu kos sara hidup pada masa ini antara lain melalui penglibatan koperasi di dalam aktiviti peruncitan, pemborongan serta pertanian. Hasil dan pulangan dari aktiviti ini akhirnya dapat memberi manfaat kepada ahli-ahli koperasi kariah itu sendiri sama ada melalui jualan barangan pada harga yang berpatutan mahupun pemberian dividen dan pengwujudan tabung-tabung kebajikan seperti pendidikan dan khairat kematian.

Bertemakan “Koperasi Kariah Masjid Pemangkin Ekonomi Ummah” penganjuran konvensyen ini diharapkan dapat memperkasakan ummah melalui peranan Pegawai Penyelaras Masjid Daerah selaku pegawai takmir bagi menggalakkan sasaran peningkatan koperasi masjid yang akan memberi manfaat dari segi taraf sosio-ekonomi ummah di negara ini.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (MEDAC)
7 Mac 2022